

IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP GOLONGAN ASNAF: KERANGKA KERJA KONSEPTUAL

Pandemic Impact of Covid-19 Toward Asnaf Group: A Conceptual Framework

Suhaida Abu Bakar^{1*}
Zuraidah Mohamed Isa²
Nor Hidayah Ali³
Nor Azyyati Anuar⁴
Dahlia Ibrahim⁵

¹ *Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara , 08100 Merbok, Kedah*

^{2,3,4,5} *Fakulti Pengurusan Perniagaan , Universiti Teknologi Mara, 08100 Merbok, Kedah*

*Corresponding author (Email: suhaida596@uitm.edu.my)

Diterima: 2 Mac 2021, Diproses: 4 Mac 2021, Diterbitkan: 31 Mac 2021

Abstrak: Pandemik COVID-19 telah menggusarkan penduduk dunia dengan jumlah jangkitan merebak dengan kadar pantas dan memberi kesan yang amat buruk terhadap sosioekonomi hampir semua individu. Malaysia tidak terkecuali dengan keadaan ini apabila hampir semua industri terkesan dengan COVID-19 yang juga memberi kesan kepada individu di seluruh negara. Peruntukan dana berjuta ringgit telah diberikan kepada individu yang memerlukan, antaranya adalah golongan asnaf. Golongan asnaf merupakan mereka yang serba kekurangan dalam menampung kehidupan seharian. Dengan fenomena COVID-19, keadaan hidup mereka makin terjejas. Oleh itu, artikel ini akan menjana perspektif impak pandemik COVID-19 ke atas sosioekonomi golongan asnaf bagi membantu penghasilan instrumen penerangan berbentuk kerangka kerja konseptual yang boleh membantu kajian di masa hadapan.

Kata Kunci: Pandemik Covid-19, asnaf, sosioekonomi

Abstract: The pandemic COVID-10 has shaken up the world due to the number of infected individuals have increased rapidly and severely affected the socioeconomic of nearly all individuals. Malaysia is no exception to this situation when almost all industries are affected by COVID-19 which also affects individuals across the country. Millions of ringgit have been allocated and distributed to the poor and needy individuals, among them are the asnaf. The asnaf are those who are deficient in their daily lives. With the existence of COVID-19, their living conditions are increasingly affected. Hence, this article will delve into the impact of Covid-19 pandemic on the asnaf group's socioeconomic through the development of a conceptual framework for future research.

Keywords: COVID-19 Pandemic, asnaf, socioeconomic

PENGENALAN

Penyebaran wabak COVID-19 bermula dengan jangkitan yang berlaku di Wuhan China pada bulan Disember 2019. Virus COVID-19 merebak dengan cepatnya ke 219 negara menyebabkan populasi dunia terkejut dan tidak mengetahui untuk menanganinya dengan segera dan berkesan. Pada 25 Januari 2021, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa jumlah kes COVID-19 yang disahkan adalah sebanyak 100,251,655 dengan 25,861,626 kes aktif di seluruh dunia, sementara jumlah kematian adalah sebanyak 2,148,358 orang (Worldometer, 2021). Jumlah kes dan kematian baru yang drastik sangat menakutkan penduduk dunia. Negara-negara yang terlibat dalam jangkitan yang tidak dijangka telah melakukan tindakan pencegahan dengan melaksanakan penutupan perniagaan dan institusi pendidikan.

Senario yang tidak dijangka ini juga berlaku di Malaysia. Pada Mac 2020, Malaysia melaporkan kes import COVID-19 yang pertama dari pelancong China. Beberapa bulan kemudian, penularan tempatan dilaporkan berpunca daripada perhimpunan agama oleh tabligh Jemaah di Sri Petaling. Dari kes dua digit, Malaysia dibebani lebih dari 2000 kes yang disahkan pada akhir Mac 2020 (Ain Umaira et al, 2020). Untuk mengekang peningkatan kes yang mendadak, Malaysia mengambil langkah pencegahan dengan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Setelah beberapa minggu penutupan yang berlarutan hingga Jun 2020, Malaysia berjaya memutuskan rantai jangkitan COVID-19.

Berikutan pelaksanaan separa penutupan bermula dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Malaysia dengan bangganya mengumumkan kejayaannya dalam memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Menjelang 31 Mei 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan bahawa terdapat 57 kes COVID-19 baru yang melibatkan 4 kes penduduk tempatan di mana jumlah kematian kekal pada 115 kes (Bedi, 2020). Sejak itu, kes baru direkodkan tetapi hanya melibatkan kes dua digit. Malangnya, kejayaan memutuskan rantaian COVID-19 tidak kekal lama apabila kluster baru bernama Sivagangga Cluster dikesan di daerah Jitra Kedah pada 28 Julai 2020. Kemunculan kluster ini disebabkan oleh seorang positif COVID-19 yang secara tidak bertanggungjawab melanggar perintah kuarantin rumah yang dikenakan kepadanya. Kesudahannya, 5 daripada 28 orang pelanggan di restorannya yang mempunyai hubungan rapat dengannya didapati positif (Lim, 2020). Rentetan daripada kes tersebut, angka positif COVID-19 terus meningkat dengan kemunculan pelbagai kluster baharu.

Peningkatan kes COVID-19 di Malaysia khususnya telah memberi kesan kepada sosioekonomi negara. Pendapatan dan perbelanjaan rakyat menjadi tidak stabil. Sosioekonomi Malaysia dijangka akan mengalami perubahan akibat pandemik COVID-19 dari sudut cara pembelian barangan. Selain itu, COVID-19 juga menyebabkan banyak negara pengeluar bekalan makanan turut melaksanakan perintah berkurung dan ini memberi kesan terhadap import bekalan. (Berita Harian, 2020).

Pandemik COVID-19 sejak awal Mac 2020 sehingga kini telah menyaksikan suatu gelombang baru dalam masyarakat dan ekonomi negara. Kemunculan golongan "asnaf miskin situasi" atau golongan yang jatuh miskin sementara adalah ketara disebabkan terputus sumber mata pencarian. Ini dikukuhkan lagi dengan kajian Mohd Daud Bakar (2019) iaitu masalah sosioekonomi yang dihadapi golongan masyarakat dalam kategori miskin bandar lebih mengancam daripada golongan miskin luar bandar. Justeru, isu COVID-19 telah

meninggalkan kesan yang besar kepada sosioekonomi rakyat Malaysia, khususnya asnaf zakat dan golongan B40 yang terkesan dari sudut perbelanjaan keperluan harian serta perniagaan yang terjejas. Bagi asnaf zakat mereka lebih memerlukan wang untuk kelangsungan hidup. Mereka perlu bekerja untuk mendapatkan wang untuk meneruskan kehidupan. Namun, golongan ini menghadapi kekangan dalam mencari rezeki apabila PKP dilaksanakan bermula Mac 2020.

Berdasarkan laporan agihan zakat bagi peruntukan khas yang telah di agihkan oleh institusi zakat negeri seluruh Malaysia bagi membantu golongan asnaf sepanjang PKP COVID-19 adalah sebanyak RM171.62 juta. Merujuk Jadual 1, jelas menunjukkan keprihatinan institusi zakat dalam membantu golongan asnaf sejak pandemik COVID-19 melanda negara. Peruntukan ini lebih banyak tertumpu kepada golongan asnaf fakir miskin kerana golongan inilah antara yang paling terkesan rentetan dari pelaksanaan PKP.

Jadual 1: Laporan Agihan Zakat

Institusi Zakat	Jumlah Peruntukan
Pusat Pungutan Zakat	RM34.41 juta
Pusat Zakat Pulau Pinang	RM14.52 juta
Majlis Ugama Islam Adat Pahang dan Pusat Kutipan Zakat Pahang	RM12.12 juta
Majlis Agama Islam Kelantan	RM12.6 juta
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	RM14.35 juta
Majlis Agama Islam dan adat Melayu Terengganu	RM20.2 juta
Lembaga Zakat Selangor (LZS)	RM15 juta
Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)	RM7.4 juta
Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	RM16.7 juta
Perbadanan Baitul Mal Negeri Sembilan (MAINS)	RM4.3 juta
Zakat Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka	RM4.26 juta
Tabung Baitul Mal Sarawak	RM juta
Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah	RM6 juta
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	RM3.98 juta

Sumber: Laman sesawang Kisah Zakat Malaysia

Bagi memastikan tiada golongan yang ketinggalan, kajian kesan pandemik COVID-19 terhadap sosioekonomi adalah penting untuk para akademik. Tanpa langkah-langkah berkesan daripada pihak berwajib terhadap sosioekonomi akan menyebabkan terjejasnya mata pencarian dan kesejahteraan golongan asnaf ini. Oleh itu, dengan mempertimbangkan isu di atas, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji secara konseptual kesan pandemik COVID-19 terhadap

golongan asnaf.

SOROTAN KARYA

Sorotan karya bagi kajian ini akan membincangkan pembolehubah utama iaitu COVID-19, sosioekonomi dan hubungan pandemik COVID-19 terhadap sosioekonomi. Walaupun kajian COVID-19 masih baru, namun perhatian terhadap subjek ini telah menarik perhatian ramai para akademik untuk mengupas dengan lebih mendalam tentang COVID-19 dari pelbagai perspektif.

Sejurus kerajaan Malaysia mengumumkan PKP pada 18 Mac 2020, hampir semua aktiviti khususnya dalam sektor perniagaan telah diberhentikan operasinya. Antara sektor yang terjejas ialah pendidikan, perhotelan, penerbangan, pelancongan, pengeluaran, peruncitan, perikanan, penternakan dan sebagainya. Hal ini berpunca daripada jangkitan COVID-19 yang pantas menular dalam kalangan komuniti dan telah menyebabkan kematian dalam kalangan masyarakat. Di peringkat awal wujudnya COVID-19, golongan yang paling berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kematian ialah golongan tua dan juga individu yang mempunyai penyakit kritikal. Penyakit kritikal yang dimaksudkan ialah darah tinggi, kencing manis, sakit jantung, barah, obesiti dan individu yang merokok. Bagi individu yang berumur 60 tahun ke atas dilaporkan mempunyai risiko yang tinggi untuk mendapat jangkitan dan antara tanda awal ialah simptom ringan atau lebih parah individu yang menunjukkan tanda simptomatik (Li et al, 2020). Malangnya, virus ini berpotensi merebak ke seluruh individu tanpa mengira had umur, jantina dan keadaan kesihatan pada individu itu sendiri.

Isu COVID-19 ini telah menarik ramai para sarjana untuk menyelidik fenomena baharu ini secara kritis. Terbukti, pada tahun 2020, trend penyelidikan mengenai COVID-19 telah meningkat dengan luar biasa. Kajian COVID-19 bermula awal pertengahan antara Januari dan Mac 2020 sehingga kini. Menurut Kamarova et al. (2020), terdapat dua trend utama yang dapat dikenal pasti dalam kajian COVID-19 iaitu pertumbuhan eksponensial dan juga berdasarkan kuasa undang-undang. Malaysia dikategorikan di bawah eksponensial yang menunjukkan kes yang telah dikenal pasti meningkat dari semasa ke semasa. Pada 27 Januari 2021 sahaja, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan bilangan kes yang dikenal pasti di seluruh dunia telah mencecah hampir satu juta dengan jumlah kematian lebih daripada dua juta. Sehubungan dengan itu, beberapa tindakan pencegahan telah pun diambil oleh semua negara di seluruh dunia. Di Malaysia contohnya, pencegahan yang sementara dan sepenuhnya seperti Standard Operasi Prosedur (SOP), PKP, PKPB, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Tambahan pula, ada kemungkinan kerajaan akan menjadi lebih tegas dengan melaksanakan perintah berkurung sepenuhnya sekiranya rakyat tidak menitik beratkan pengukuran keselamatan yang telah ditetapkan oleh KKM.

Selain itu, antara isu-isu yang sedang rancak dikaji melibatkan COVID-19 adalah isu seperti kesihatan mental (Aarabi, Abdi & Khanjani, 2021), vaksinasi perjalanan (Andongo et al., 2021), krisis ekonomi global (Aktar, Alam & Al-Amin, 2021), pengajaran secara tradisional (Bhute et al., 2021), kesejahteraan kewangan (Botha et al., 2021), termasuklah perkaitan antara COVID-19 dan sosioekonomi. Menurut Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) (2020), dalam tempoh 12 hingga 18 bulan akan datang, tindak balas sosioekonomi merupakan salah satu daripada tiga komponen kritikal yang akan diperhalusi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kesihatan Dunia dan

Kemanusiaan Dunia (WHO). Antara usaha yang dilaksanakan oleh UNDP adalah dengan menilai semula krisis COVID-19 dan kesannya ke atas penduduk yang terdedah dengan risiko keselamatan, kesihatan, sosioekonomi dan sebagainya supaya tiada golongan yang tertinggal dalam mendapatkan bantuan daripada UNDP, WHO dan juga kerajaan.

Justeru, jelas sekali impak pandemik COVID-19 telah memberi satu ketakutan dan kekusaran terhadap sosioekonomi di seluruh dunia seperti kehilangan pekerjaan, pendapatan terjejas, simpanan yang semakin kurang, kesihatan yang semakin merosot, gangguan mental dan sebagainya. COVID-19 telah dikenal pasti sebagai satu faktor bebas yang telah memberi impak terhadap ekonomi dunia dan kesejahteraan individu (Mohammad Waliul Hasanat et al., 2020). Selain itu, perniagaan yang telah diusahakan terpaksa berhadapan dengan situasi yang sukar semasa pandemik ini berlaku dan ini menyebabkan individu yang memiliki perniagaan perlu bekerja keras demi kelangsungan hidup. Terdapat beberapa perubahan dari aspek gelagat berhubung dengan pemikiran dan emosi dapat dilihat dalam kalangan rakyat Malaysia (Yau et al., 2020). Contohnya, pemikiran dan emosi tentang kematian berkaitan dengan penyakit yang dialami, mengelakkan diri untuk tidak membuat pemeriksaan walaupun berkemungkinan terdapat simptom yang ditunjukkan atau mempunyai hubungan rapat dengan individu yang telah dijangkiti. Begitu juga dengan pembelian panik. Perubahan gelagat ini telah mendorong kepada kesan emosi yang boleh membawa kepada kemurungan dan kebimbangan sekiranya emosi ini tidak dapat diuruskan dengan baik.

Wabak COVID-19 menular dengan begitu pantas. Kebanyakan negara telah menghalang beberapa aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi daripada terus berjalan. Kajian terkini oleh Haleem, Javaid dan Vaishya (2020), melaporkan COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada kehidupan seharian dalam kalangan penduduk setempat. Penyakit ini telah merencatkan ekonomi dengan pengeluaran barangan keperluan yang terhad, gangguan terhadap rantaian nilai produk, kehilangan pasaran domestik dan antarabangsa, aliran tunai pengguna yang lemah dan pertumbuhan jualan yang sangat perlahan. Ini termasuklah kesan sosial dengan membuat pembatalan atau penangguhan aktiviti kesukanan dan sebarang kejohanan dalam skala yang besar, penutupan hotel, restoran dan tempat keagamaan, penutupan tempat hiburan seperti teater, kelas sukan, gimnasium dan pusat kolam renang. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang melibatkan perayaan berbentuk budaya dan keagamaan juga memberi kesan sosial seperti tekanan populasi dan jurang sosial antara rakan dan ahli keluarga.


Tidak terkecuali, golongan asnaf juga antara golongan yang paling terkesan dengan COVID-19. Menurut Faisal (2020) situasi pandemik COVID-19 memungkinkan kemunculan asnaf-asnaf yang baru seperti golongan al-gharimin (golongan yang berhutang). Ini dikukuhkan melalui kajian Hasanah et.al (2015) yang menyatakan mangsa banjir besar di Kelantan dikategorikan sebagai golongan yang berhutang akibat kehilangan harta benda ketika bencana. Kejadian seumpama ini juga berlaku ketika bencana banjir yang berlaku di negeri Pahang penghujung tahun 2020 ketika wabak COVID-19 melanda. Justeru mangsa banjir serta mangsa COVID-19 layak menerima bantuan zakat dan boleh dikategorikan sebagai asnaf baharu.

Oleh itu, isu COVID-19 ini telah memberi peluang kepada semua pengkaji untuk membuat kajian dalam pelbagai aspek. Hal ini adalah kerana hasil kajian COVID-19 ini akan memberi satu pemahaman yang baru kepada para akademik, industri dan masyarakat serta hasil

kajian ini juga dapat memberi nilai tambah kepada pihak berkuasa dan juga kerajaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

KERANGKA KERJA KONSEPTUAL

Secara ringkasnya, walaupun kajian ke atas COVID-19 dianggap masih baru, namun berdasarkan trend kajian COVID-19 ini, dilihat semakin progresif dalam kalangan penyelidik dengan menyentuh pelbagai aspek termasuklah hubungannya dengan sosioekonomi. Daripada sorotan kajian ini jelas menunjukkan kajian COVID-19 dengan sosioekonomi asnaf didapati masih tidak banyak dan sememangnya adalah menjadi keperluan kepada para pengkaji untuk menyelidik dengan lebih mendalam kesan COVID-19 ke atas sosioekonomi khususnya dalam golongan Asnaf di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah menunjukkan kerangka konseptual (Rujuk Rajah 1) berdasarkan sorotan kajian berhubung dengan COVID-19 dan sosioekonomi. Merujuk rajah di bawah ini, COVID-19 merupakan pemboleh ubah bebas manakala sosioekonomi adalah pemboleh ubah yang bersandar. Di bawah sosioekonomi terdapat sembilan dimensi hasil daripada sorotan karya yang dibuat iaitu pendapatan, simpanan, jaminan pekerjaan, bekalan makanan, kesihatan, keselamatan diri, emosi, kerohanian dan produktiviti.



Rajah 1. Kerangka Kerja Konsep Kajian

Berikut adalah pembangunan hipotesis berdasarkan sorotan kajian yang telah dijalankan:

H1: Terdapat hubungan yang positif antara COVID-19 dan sosioekonomi dalam kalangan golongan asnaf.

KESIMPULAN

Secara umumnya, melalui sorotan karya yang telah dijalankan, terdapat beberapa dimensi sosioekonomi yang telah dikenal pasti untuk mengukur impak COVID-19 ke atas sosioekonomi ke atas golongan asnaf. Antara dimensi yang terlibat dalam mengenal pasti beberapa permasalahan yang membelenggu asnaf fakir dan miskin ialah pendapatan, simpanan,

jaminan pekerjaan, bekalan makanan, kesihatan, keselamatan diri, emosi, kerohanian dan produktiviti. Walaupun golongan asnaf ini telah menerima bantuan zakat, namun permasalahan kemiskinan yang dialami masih belum selesai sehingga kini. Tidak dinafikan bahawa bantuan zakat sedikit sebanyak membantu mereka dari sudut kewangan, namun bantuan zakat tersebut masih belum dapat mengeluarkan mereka daripada zon kemiskinan. Sememangnya, wabak ini telah menjangkiti semua orang tanpa mengira status sosioekonomi mereka, namun golongan asnaf paling banyak merasa kesannya. Jelas sekali, pandemik COVID-19 ini mengancam kestabilan sosioekonomi golongan ini. Kehilangan pekerjaan dan pendapatan boleh memberi kesan buruk kepada kehidupan dan kesejahteraan golongan asnaf dan mereka mungkin mengambil masa bertahun-tahun untuk pulih.

Oleh itu, keadaan ini menuntut kepada pihak berwajib melindungi kesejahteraan sosial dan ekonomi golongan asnaf semasa dan selepas wabak COVID-19. Banyak dari golongan asnaf sudah hidup dalam kemiskinan sebelum wabak COVID-19 dan ketika pandemik ini berlaku, golongan asnaf terpaksa membuat keputusan yang drastik dan akhirnya memungkinan mereka tergelincir ke jurang kemiskinan yang lebih teruk sekiranya keadaan ekonomi semakin merosot. Dicadangkan juga agar pihak berwajib perlu merancang penjana pendapatan secara aktif bagi membantu golongan asnaf untuk kelangsungan hidup mereka. Selain itu, jalinan kerjasama antara institusi zakat dan agensi-agensi lain perlu dipertingkatkan dalam membantu golongan asnaf ini. Kerjasama ini dapat meningkatkan sinergi dalam mencapai agenda Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goal* (SDG) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu tiada kemiskinan dalam kalangan masyarakat.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Teknologi Mara dan Lembaga Zakat Negeri Kedah kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran ZAWAS. Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bertajuk '*Assessment of the Socioeconomic Impact of COVID-19 on Asnaf in Kuala Muda, Kedah*' di bawah Dana Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, No. Ruj; LZNK.PKPZK.100-1/2/1(100).

RUJUKAN

- Aarabi, M. A., Abdi, K., & Khanjani, M. S. (2021). Letter to editor: Covid-19 and mental health of people with autism spectrum disorder and their families; what can be done? *Middle East Journal of Rehabilitation and Health*, 8(2), 1-2. doi:10.5812/mejrh.112188
- Ain Umaira, M. S, Syafiqah nur, A. S, Thevadasb, R., Nor Kamariah, N, Azmawani, A.R., Zamberi, S., Aini, I. & Mohamed Thariq, H. S. (2020). COVID-19 Outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian. *International Journal of Infectious Disease*, 97, 108-116.
- Aktar, M. A., Alam, M. M., & Al-Amin, A. Q. (2021). Global economic crisis, energy use, CO2 emissions, and policy roadmap amid COVID-19. *Sustainable Production and Consumption*, 26, 770-781. doi:10.1016/j.spc.2020.12.029

- Adongo, C. A., Amenumey, E. K., Kumi-Kyereme, A., & Dubé, E. (2021). Beyond fragmentary: A proposed measure for travel vaccination concerns. *Tourism Management*, 83 doi:10.1016/j.tourman.2020.104180
- Bedi, R. S (2020, May 31). Covid-19: 57 new cases on Sunday (May 31), death toll remains at 115. *The Star Online*. Retrieved from thestar.com.my.
- Bhute, V. J., Inguva, P., Shah, U., & Brechtelsbauer, C. (2021). Transforming traditional teaching laboratories for effective remote delivery—A review. *Education for Chemical Engineers*, 35, 96-104. doi:10.1016/j.ece.2021.01.008
- Botha, F., de New, J. P., de New, S. C., Ribar, D. C., & Salamanca, N. (2021). Implications of COVID-19 labour market shocks for inequality in financial wellbeing. *Journal of Population Economics*, 34(2), 655-689. doi:10.1007/s00148-020-00821-2.
- Faisol Ibrahim, M. (2020). Pandemik Covid-19 Dan Implikasi Terhadap Institusi Zakat Di Malaysia Sebagai Institusi Kewangan Sosial Islam. *E-Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan, November*, 314–325. [Journal.zakatkedah.com.my](http://journal.zakatkedah.com.my)
- Haleem, A., Javaid, M., & Vaishya, R. (2020). Effects of COVID 19 pandemic in daily life. *Current Medicine Research and Practice*.
- Hasanah Abd. Khafidz, Siti Fariza Muhammad Fisal, & Irwan Mohd Subri. (2015). Penggunaan Kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha Dalam Agihan Zakat Untuk Mangsa Banjir. eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 1-6. <http://usulifaqihrc.com/eprosiding/wpcontent/uploads/2015/06/HasanahAbdKhafidz.pdf>
- Komarova, N. L., Schang, L. M., & Wodarz, D. (2020). Patterns of the COVID-19 pandemic spread around the world: Exponential versus power laws. *Journal Royal Society Interface*, 17, 1–10.
- Li, Q., Guan, X., Wu, P., Wang, X., Zhou, L., Tong, Y., Ren, R., Leung, K. S. M., Lau, E. H. Y., Wong, J. Y., Xing, X., Xiang, N., Wu, Y., Li, C., Chen, Q., Li, D., Liu, T., Zhao, J., Liu, M., ... Feng, Z. (2020). Early Transmission Dynamics in Wuhan, China, of Novel Coronavirus–Infected Pneumonia. *The New England Journal of Medicine*, 382(13), 1199–1207.
- Lim, I. (2020, August 5). Kedah’s Sivagangga cluster: What its emergence tells us about Malaysia’s Covid-19 fight. *The Malay Mail*. Retrieved from malaymail.com.my.
- Mohd Daud Bakar. (2019). *Konsep Rahmah dalam Sosioekonomi*. (Siri 7). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <https://www.islam.gov.my/image/e-penerbitan/7.BukuKonsepRahmahDalamSosioekonomi-WebPdf>.
- Mohammad Waliul Hasanat, Ashikul Hoque, Farzana Afrin Shikha, Mashrekha Anwar, Abu Bakar Abdul Hamid, & Huam Hon Tat. (2020). The Impact of Coronavirus (Covid-19) on E-Business in Malaysia. *Asian Journal of Multidisciplinary Studies*, 3(1).
- Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin (2020, May 1). Evolusi sosioekonomi Malaysia pasca COVID-19. *Berita Harian*. Retrieved from bharian.com.my.
- UNDP (2020). COVID-19: Socio-economic Impact. Retrieved on 14 February 2021, from [Socio-economic impact of COVID-19 | UNDP](https://www.undp.org/socio-economic-impact-of-covid-19)
- Worldometer (2021). COVID-19 Coronavirus Pandemic. Retrieved on 14 February 2021, from <https://www.worldometers.info/>

Yau, E. K. B., Ping, N. P. T., Shoesmith, W. D., James, S., Noor Melissa Nor Hadi, & Lin, L. J. (2020). The behaviour changes in response to COVID-19 pandemic within Malaysia. *Malaysian Journal of Medical Sciences*, 27(2),45–50.